

Belia perlu jauhi sikap biadap

» *Perbuatan pijak gambar pemimpin dianggap keterlaluan*

BH 04.09.2012 2

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah
thaddius@bharian.com.my

■ Kota Kinabalu

Belia dan pelajar di Sabah diingatkan supaya menjauhi kebiadapan peserta Himpunan Janji Demokrasi yang memijak gambar pemimpin di Dataran Merdeka di ibu negara, baru-baru ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata perbuatan itu jelas bertentangan dengan norma dan budaya masyarakat tempatan yang mementingkan amalan saling menghormati, terutama terhadap golongan berumur dan pemimpin.

Kita perlu memelihara asas peradaban iaitu menghormati golongan lebih tua dan pemimpin, lebih-lebih lagi yang bergelar Perdana Menteri”

Hindari perbuatan negatif
Seiring ketamaduhan manusia, beliau berkata, generasi muda wajar memelihara kesopanan dan menghindari perbuatan negatif

Musa Aman,
Ketua Menteri

lebih tua dan pemimpin, lebih-lebih lagi yang bergelar Perdana Menteri.

“Saya mahu pelajar dan be-



Musa (tiga dari kanan) menunjukkan isyarat 1Malaysia pada majlis amaranat pelajar baru UMS di Kota Kinabalu, semalam.
[FOTO ERDIE AB WAHID/BH]

yang bertentangan dengan budaya masyarakat setempat.

“Perbuatan memijak gambar pemimpin bukan budaya masyarakat kita dan tidak seharusnya dilakukan.

“Kita perlu memelihara asas peradaban iaitu menghormati golongan

lia di negeri ini menjauhi tindakan biadap seperti itu,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat kepada pelajar baru Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, semalam.

Bersikap keterlaluan

Beliau diminta mengulas perbuatan segelintir peserta Himpunan Janji Demokrasi di Dataran Merdeka yang bersikap keterlaluan dengan memijak gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Musa berkata, Perdana Menteri tidak meminggirkan

mana-mana pihak termasuk pelajar dan belia dalam melaksanakan program transformasi, malah memperkenalkan inisiatif khas untuk manfaat golongan itu.

“Sebagai pelajar, tumpuan kita harus terarah terhadap aspek pengajian dan pembelajaran bagi mencapai kejayaan, sekali gus memenuhi harapan keluarga.

“Jangan lakukan perkara yang tidak memberi hasil seperti membabitkan diri dalam kegiatan bertentangan dengan undang-undang kerana ia menjelaskan masa depan tanpa pulangan,” katanya.